

Anwar dijangka umum Ketua Pemuda Negeri akhir Oktober

KUALA LUMPUR, Rabu — Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Encik Anwar Ibrahim dijangka mengumumkan nama-nama Ketua Pergerakan Negeri akhir bulan depan.

Pada peringkat awalnya, Encik Anwar dan ahli-ahli Exco pergerakan itu dijadualkan memulakan lawatan ke Kedah pada 8 Oktober diikuti perjumpaan di Perlis dan Pulau Pinang keesokannya.

Tetapi perjumpaan itu terpaksa ditangguh kerana mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 9 Oktober.

Tentangan

Dalam pelantikan Ketua Pemuda Negeri, Encik Anwar akan mengambil perhatian berat terhadap dua faktor iaitu ketua itu mendapat sokongan sepenuhnya dari ketua-ketua Bahagian dan kedua, mesti boleh bekerja rapat dengan Menteri Besar atau Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri.

Ketua Pemuda di tiga negeri iaitu Pahang, Kedah dan Kelantan dijangka akan melepaskan jawatan mereka bagi memberi jalan kepada tokoh-tokoh yang lebih muda bagi meringankan beban kerja.

Bagaimanapun, biar

apa keputusan pun pada hujung bulan depan, beliau akan berusaha mengelakkan sebarang pepecahan.

Seorang ahli Exco memberitahu, langkah itu untuk mengelakan keadaan yang dialami pada 1980 di mana pelantikan Haji Hanafi Ramli sebagai Ketua Pemuda Kedah dan Datuk Abdul Rahman Sabri, Ketua Pemuda Johor, mendapat tentangan.

Encik Anwar apabila dihubungi hari ini berkata, kebanyakan ketua-ketua Pemuda yang bakal dilantik itu adalah bukan dari kalangan Exco sebagai memberi peluang kepada pemimpin lain.

Di Pahang, Datuk Mohd Najib Tun Razak dijangka melepaskan jawatan itu kerana beliau sendiri sudah menjadi Timbalan Ketua Pemuda dan Menteri besar.

Ketua Pemuda Kedah, Haji Hanafi yang sekarang ini menduduki Exco yang dilantik mengetuai Biro Kesihatan pernah menyuarakan sebelum pemilihan pergerakan itu akan melepaskan jawatannya jika dilantik.

Dua nama juga disebut-sebut iaitu Ketua Pemuda Jerlun-Langkawi, Encik Yusof Rahman dan Ketua Pemuda Kuala Kedah Zakaria Said. Keduanya adalah Ahli Exco Negeri